



Isteri mangsa, Sharifah Ramli ditenangkan keluarganya.



Seorang ahli keluarga mangsa tiba untuk pengecaman.

[FOTO MOHD KAMIL RAHIM, RAMDZAN MASIAM, DANIAL SAAD, MICHAEL ONG, SITI AZILA ALIAS, NUR IZZATI MOHAMAD, QURYATUL AINI PADIL, ANIS NABILA MD WAZILAH DAN AZMA RAZANA JOHARI / BH]

» Mayat mangsa runtunan ditemui tersembam pada stereng

Georgetown

Mayat mangsa yang terperangkap dalam runtunan tanjakan konkrit di susur masuk Jambatan Kedua Pulau Pinang di Lebuh Raya Tun Dr Lim Chong Eu dekat Batu Maung, di sini, berjaya dikeluarkan pada jam 8.45 malam tadi.

Mayat lelaki yang dikenal pasti sebagai Tajudin Zainal Abidin, 45, ditemui anggota penyelamat, lebih 25 jam selepas operasi menyelamat dilancarkan.




bagaimanapun beliau tidak menolak kemungkinan ada mangsa lain yang terperangkap dalam runtunan itu.

Kerja menyelamat diteruskan

Bebanan konkrit 500 tan

B/H 8/6/13
msc



Mayat mangsa ditemui dalam keadaan tertunduk dengan mukanya tersembam pada stereng di tempat duduk pemandu dalam sebuah kereta jenis PERODUA Kelisa.

Difahamkan, mangsa yang sudah berkahwin dan mempunyai dua anak memandu sendirian untuk pulang ke rumahnya di Permatang Damar Laut, tidak jauh dari lokasi kejadian.

Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahim Jaafar, berkata mayat Tajudin dikenal pasti ahli keluarganya berdasarkan ciri fizikal dan pakaian yang dipakai pada hari kejadian.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya mengesahkan hanya satu mayat ditemui di lokasi kejadian,

Kerja menyelamat diteruskan
"Kerja pembersihan akan terus dijalankan, namun sehingga kini polis hanya menerima satu laporan mengenai kehilangan ahli keluarga.

"Begitupun, operasi masih diteruskan kerana kita lihat kemungkinan ada lagi mangsa yang terperangkap berdasarkan maklumat orang ramai yang mendakwa terlihat ada kenderaan lain yang tersepit ketika runtuh selain daripada PERODUA Kelisa itu," katanya.

Dalam kejadian 7.15 malam kelmarin, sebahagian tanjakan konkrit di susur masuk ke Jambatan Kedua Pulau Pinang sepanjang 50 meter dari arah Batu Maung yang dalam pembinaan runtuh.



ANTARA KEJADIAN JAMBATAN RUNTUH

10 April 2013

Hampir 5,000 penduduk dari 24 kampung di Mukim Dalit Sook, Sabah terputus hubungan selepas Jambatan Sungai Punteh, Kampung Tigasa yang menghubungkan kawasan itu ke pekan, runtuh akibat banjir.

28 Februari 2013

Jambatan di bawah seliaan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Persimpangan Bertingkat Taman Sains Selangor 2 antara Plaza Tol Putrajaya dan Putrajaya/Cyberjaya di Lingkaran Putrajaya runtuh.

27 Februari 2013

Struktur jambatan di Batu 9, Jalan Kerian-Kamunting runtuh mengakibatkan laluan utama terputus.



BH Digital




Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my



“**Kerja pembersihan akan terus dijalankan, namun sehingga kini polis hanya menerima satu laporan mengenai kehilangan ahli keluarga”**

Abdul Rahim Jaafar
Timbalan Ketua Polis
Pulau Pinang

INFO



© Kereta dihempap, seorang maut

LOKASI KEJADIAN



B/H 2/4/13
MS 7

Lakaran penyambung susur keluar Jambatan Kedua Pulau Pinang runtuh



Slamat



Ting Maung Lwin

Jambatan kedua mampu tahan gegaran gempa

Georgetown: Jambatan Kedua Pulau Pinang sepanjang 24 kilometer (km) iaitu terpanjang di dunia menggunakan sistem gelas getah redaman tinggi



Sementara itu, dua pekerja asing yang terbabit dalam kejadian runtuhan itu masih menerima rawatan di Hospital Pulau Pinang.

Dua mangsa warga asing stabil

Warga Myanmar, Tin Maung Lwin, 39, dan warga Indonesia, Slamet 36, bagaimanapun berada dalam keadaan stabil dan kecederaan mereka dilaporkan tidak serius.

Maung Lwin, yang cedera pada paha kanan, berkata ketika kejadian dia sedang melakukan kerja pembinaan di atas jambatan berkenaan.

“Ketika itu saya sedang menuang simen sebelum runtuh berlaku,” katanya ketika ditemui pemberita di hospital, semalam.

Slamet, pula tidak boleh bercakap kerana mulutnya bengkak dan mengalami kecederaan di muka dan dada.

Seorang wanita Thilasheni Rajendran, 24, pula yang kebetulan melalui laluan itu cedera ringan di tangan selepas terkena serpihan runtuhan.

Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang, Mohamad Shoki Hamzah pula berkata, pihaknya mengalami kesukaran untuk mengeluarkan mayat mangsa meskipun menggunakan bantuan jangkit hidraulik.

berikutan konkrit yang runtuh itu terlalu berat, mencecah 500 tan dan menyebabkan tanah menjadi mampat ketika mesin yang digunakan cuba untuk mengangkat bahan binaan itu.

Bomba guna kren

“Bomba terpaksa menggunakan alternatif lain dengan bantuan kren dengan cara mengangkat sedikit konkrit sebelum menarik keluar kereta PERODUA Kelisa yang tersepit seterusnya mengeluarkan mangsa yang terperangkap di dalamnya,” katanya.

Beliau berkata, operasi akan diteruskan dengan bantuan Unit K9 Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari Kuala Lumpur bagi membantu mengesan sekiranya ada mangsa lain yang terperangkap dalam runtuhan berkenaan.

“Unit K9 itu dijangka tiba hari ini akan membantu untuk mengesan sekiranya ada mangsa lagi yang terperangkap.

“Bagaimanapun, setakat ini kita belum menemui sebarang petunjuk kemungkinan ada kereta lain, namun, operasi ini akan diteruskan sehingga kita berpuas hati tidak ada mangsa lain di bawah runtuhan itu,” katanya.

(HDRB), mampu menahan kesan gegaran gempa bumi sehingga 8.2 Richter pada jarak 300 kilometer dari punca gempa bumi.

Pembinaan struktur yang menghubungkan Batu Kawan di Seberang Prai dan Batu Maung di bahagian pulau itu, ditender menerusi tiga pakej dan pembinaannya dimulakan pada 8 November 2008.

Pakej I adalah bernilai RM2.2 bilion membabitkan kerja pembinaan tapak, struktur asas dan gerbang siap pada 24 Julai lalu. Pakej II pula membabitkan kontrak bernilai RM1.55 bilion bagi pembinaan struktur mega pula dijangka siap pada 30 September depan.

Pembinaan Pakej I dilaksanakan oleh CHEC Construction (M) Sdn Bhd, manakala Pakej II dilaksanakan UEM Builders Bhd. Pakej III bernilai RM750 juta ditawarkan kepada enam kontraktor.

Runtuhan Pakej III A

Insiden runtuhan kelmarin membabitkan Pakej III A iaitu projek pembinaan susur keluar dan masuk antara jambatan itu dengan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Ewe membabitkan kos pembinaan sebanyak RM152.72 juta.

Sebanyak 25,000 kenderaan dijangka menggunakan jambatan itu setiap hari iaitu kira-kira lebih 20 peratus daripada pengguna jambatan pertama dan ia dapat memacu ekonomi Pulau Pinang termasuk meningkatkan potensi perusahaan kecil dan sederhana yang memberi manfaat kepada rakyat di negeri ini.

Selain itu, Jambatan Kedua turut menjadi platform Malaysia mengukuhkan hubungan dua hala dengan China, apabila negara itu bersetuju memberi pinjaman sebanyak RM1 bilion untuk pembinaannya dan menggunakan tenaga pakar China bagi membina struktur utamanya.

November 2012

Jambatan berusia tujuh tahun yang digunakan lebih 200 peneroka di FELDA Tun Ghafar Hutan Percha di Alor Gajah, Melaka untuk berulang-alik ke kebun rontuh dipercayai akibat struktur tanah yang tidak kukuh.

November 2012

Jambatan kayu yang menghubungkan Kampung Piggan Jaya dan Kampung Muhibah di Sarawak runtuh berikutan hakisan tebing sungai.

Oktober 2012

Hujan lebat selama beberapa bulan menyebabkan jambatan dibina Pusat Tahfiz Al-Kholidi (Al-Kholidi), Hulu Kalong, Hulu Yam, Selangor runtuh.